



SASB mahu bangun komposit polimer kenaf

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Symphony Advance Sdn. Bhd. (SASB) akan memeterai perjanjian dengan Korea Samsung Cheil Industries Incorporated bagi menjalinkan kerjasama teknikal untuk membangun dan mengeksport komposit polimer kenaf.

Perjanjian yang akan diadakan di Kelantan pada 22 Ogos itu akan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kata satu kenyataannya di sini hari ini.

Samsung Cheil Industries Incorporated adalah pengeluar bahan-bahan fesyen, kimia dan kimia elektronik terkemuka di Korea yang mana produk utamanya adalah resin sintetik seperti *Acrylonitrile butadiene styrene (ABS)*, *Polystyrene (PS)* dan bahan-bahan kimia elektronik untuk semikonduktor dan paparan digital.